

**SOALAN NO. 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK DR. MAKIN @  
MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN]**

**TARIKH : 21 MAC 2017**

**SOALAN :**

**YB Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

(a) jenis tindakan yang telah dan boleh diambil ke atas individu mahupun organisasi yang sengaja memberikan publisiti buruk ke atas sistem pengurusan dan kepimpinan negara, terutama sekali dalam sistem penyampaian negara ini; dan

(b) adakah mereka ini boleh dianggap sebagai pengkhianat negara.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan penguatkuasaan ke atas bentuk salah laku seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat telah dilaksanakan melalui tindakan tatatertib. Mulai tahun 2010 sehingga 15 Februari 2017, sebanyak 65 kes telah dilaporkan melibatkan pegawai awam di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan badan berkanun. Daripada 65 kes tersebut, 28 (43.0%) orang pegawai telah dikenakan hukuman tatatertib bermula dari hukuman amaran sehingga hukuman buang kerja manakala 37 (57%) orang pegawai telah dimulakan prosiding tatatertib atau sedang dalam proses siasatan.

Sekian, terima kasih.